

22 JUL 2000

Peladang-Anugerah

PERTANIAN TERBUKTI BERI PULANGAN LUMAYAN

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Bidang pertanian yang dikomersilkan boleh memberi pulangan pendapatan yang lumayan selain menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada golongan miskin, kata beberapa penerima anugerah peladang, penternak dan nelayan kebangsaan tahun ini.

Menurut mereka langkah mengkomersilkan bidang masing-masing terbukti membawa kejayaan kerana jika sebelum ini hanya bergelar peladang, penternak dan nelayan biasa, mereka kini boleh berbangga dengan taraf kehidupan yang mewah.

Mereka juga bersetuju dengan pendapat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa usaha pembaharuan dalam bidang pertanian perlu dilakukan termasuk memodenkan pertanian bagi memastikan petani tidak menjadi golongan termiskin.

Mereka ialah antara lima penerima individu dan enam pertubuhan pertanian yang menerima anugerah masing-masing daripada Dr Mahathir pada Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2000 di Stadium Putra, Bukit Jalil, hari ini yang dirasmikan serentak dengan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Pertanian (MAHA) 2000.

Penerima anugerah Peladang Muda Jaya Kebangsaan, Khairuddin Mohamad, 26, berkata bidang pertanian terutama perladangan memberikan pendapatan yang tinggi kerana permintaan terhadap bekalan bahan makanan termasuk sayur-sayuran sentiasa ada.

Khairuddin, yang mengusahakan tanah seluas 13.5 hektar dengan tanaman sayuran-sayuran, buah-buahan dan ternakan ikan air tawar membolehkan beliau menikmati pendapatan lumayan selain menyediakan pekerjaan kepada 20 orang.

Berasal dari Dungun, Terengganu, Khairuddin tidak mempunyai sebarang kelulusan khusus bidang pertanian sebaliknya mempelajarinya secara sendiri sejak dari bangku sekolah.

"Saya berpeluang melanjutkan pelajaran selepas SRP (Sijil Rendah Pelajaran) tetapi kerana masalah peribadi saya terpaksa berhenti sekolah lebih awal dan memilih untuk menjadi petani kerana saya nampak ia memang menguntungkan. Saya juga berazam menjadi petani seumur hidup," katanya yang baru sebulan mendirikan rumahtangga.

Penerima anugerah Nelayan Jaya, Haji Morni Saibi, 39, pula yakin sektor perikanan mampu memberi rezeki yang setanding dengan sektor lain.

Morni, dari Dalat, Sarawak, pemilik tiga bot nelayan, mendapat idea menggunakan pukot hanyut daripada temannya dari Thailand dan bercadang untuk meneroka laut dalam apabila bot barunya yang bernilai RM450,000 yang dilengkapi peralatan canggih siap bulan depan.

Dengan kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), beliau mampu membina bot itu tanpa bantuan mana-mana pihak.

Penerima Usahawan Penternak Jaya Kebangsaan, Mohd Jalaluddin Ahmad, 37, dari Pekan, Pahang, berkelulusan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Selepas berhenti berkhidmat dengan kerajaan, beliau melibatkan diri dengan sektor penternakan lembu dan kini mempunyai lebih 500 ekor ternakan itu.

Penerima anugerah yang lain ialah Darus Ibrahim (Peladang Jaya Lelaki), Esa bin Su (Usahawan Ikan Jaya), Kelompok Sayur Kampung Tanggai (Projek Kelompok Jaya) dan Kumpulan Pengembangan Wanita Kampung Sungai Kelambu (Kumpulan Pengembangan Wanita).

Turut menerima anugerah ialah Unit Peladang Kampung Kepala Parit (Unit Peladang Jaya), Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Perlis (Persatuan Nelayan

Jaya) dan Pertubuhan Peladang Kawasan Tiga Daerah, Kelantan (Pertubuhan Peladang Jaya Kebangsaan).

Mereka masing-masing menerima trofi dan sijil penghargaan.

-- BERNAMA

NHD NAK